

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Akhlak dan Kaunseling Islam* oleh Mohd Nasir Omar. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2005. 235 hlm. Ulasan oleh Jaffary Awang.

Terminologi akhlak dan kaunseling merupakan dua istilah yang berbeza, namun ada usaha untuk membincangkan hubungan antara kedua-duanya. Buku karya Prof. Dr. Mohd Nasir Omar ini bolehlah dianggap sebagai satu usaha sedemikian. Metod perbincangan yang dikemukakan penulis lebih mudah diikuti dan difahami berbanding dengan bukunya sebelum ini iaitu *Christian and Muslim Ethics* yang diterbitkan pada tahun 2003. Pendekatan dan bahasa yang digunakan oleh penulis dalam buku *Akhlak Dan Kaunseling Islam* walaupun masih mengekalkan perbincangan mengenai susur-galur perkembangan pemikiran akhlak Muslim namun ianya lebih mudah dan kurang kritikal. Ini mungkin kerana hasrat penulis agar karya ini dapat diikuti dan dibaca oleh khalayak umum.

Bermula dari bab 1 hingga bab 11 penulis membincangkan konsep, ciri-ciri, sumbangan tokoh moralis Muslim, konsep kaunseling Barat, prinsip akhlak, metodologi pendidikan akhlak sarjana Muslim dan proses kaunseling Islam. Konsep dan ciri pemikiran akhlak Muslim ternyata dibincang dengan jelas melalui pembentangan pemikiran tokoh-tokoh tersohor Muslim seperti Miskawayh, al-Ghazali dan al-Tusi. Sementara idea-idea kaunseling Barat dibincang secara khusus dalam bab 4 dan bab 5 walaupun perbincangannya tidak begitu terperinci. Ini memperlihatkan sikap berhati-hati penulis dalam mengungkapkan konsep dan ciri kaunseling Barat. Kemungkinan juga pendekatan ini diambil atas alasan karya ini sebagai usaha permulaan penulis dalam mengkaji dan menganalisis isu-isu yang lebih besar di masa hadapan.

Dalam konteks yang lain, penulis turut membincangkan secara umum kemunculan disiplin-disiplin ilmu di Barat dan Timur. (hlm. 50). Di permulaan bab 3 pengarang membuat generalisasi awal berhubung dengan akhlak dan kaunseling. Berdasarkan penjelasan ringkas, pengarang menganggap bahawa akhlak adalah juga kaunseling. (hlm. 25) Dalam hubungan ini pengarang menjelaskan bahawa "...akhlak merujuk kepada disposisi yang berada dalam jiwa seseorang, manakala falsafah atau ilmu akhlak pula merujuk kepada ilmu yang mengkaji disposisi jiwa tersebut." (hlm. 28) Ini menunjukkan pengarang telah membezakan antara akhlak sebagai satu konsep yang merupakan hal ehwal jiwa individu dan akhlak sebagai satu ilmu yang menjadikan jiwa sebagai bahan kajian.

Tanpa membezakan dengan jelas antara tema akhlak dan tema kaunseling, pengarang menyenaraikan isu-isu yang menjadi fokus peneletian dalam bidang akhlak dan kaunseling. Tema tersebut adalah kedudukan jiwa, konsep kebaikan,

pendekatan dalam membina akhlak yang sempurna, konsep kebahagiaan dan kesihatan mental. Sementara pada satu pihak yang lain penulis menggariskan isu-isu yang menjadi tumpuan pengkajian kaunseling Islam iaitu, proses individu mengenal diri sendiri, menyedari kekuatan serta kelemahan diri, menyedari tanggungjawab, bersikap positif kepada rahmat Allah S.W.T., proses penasihat, proses merangsang individu dan proses membantu individu dalam membuat keputusan.

Dari perbincangan, pengarang jelas menunjukkan bahawa aspek akhlak bukan sekadar bersifat teoretikal tetapi yang lebih utama akhlak merupakan perkara yang bersifat praktikal. Hubungan akhlak dari aspek teoritikal dan praktikal diakui oleh majoriti sarjana Muslim. Yang lebih utama persoalan akhlak dalam Islam adalah berkait langsung dengan aspek kerohanian. Justeru akhlak adalah bersifat dalaman dan tindakan zahirnya sebagai manifestasi dari apa yang tersirat dalam diri individu terbabit. (hlm. 14-16)

Pengarang juga menjelaskan bahawa dalam Islam terdapat dua ukuran yang menentukan baik dan buruk iaitu syariah dan akal. (hlm. 16) Ini menjelaskan pengarang ingin mengemukakan satu kriteria asas dalam pemikiran akhlak dan kaunseling. Ini kerana epistemologi Islam perlu bersumberkan Quran dan Sunnah. Dalam hubungan ini pengarang turut membuat kritikan secara ringkas terhadap pendekatan kaunseling dan perkembangan ilmu di Barat yang menolak sumbangan agama terhadap ilmu tetapi mengagungkan potensi akal semata-mata. (hlm. 33-35; 43-47) Tokoh-tokoh Barat seperti Sigmund Freud (m.1939) dibincangkan secara umum dengan menggambarkan sikap tokoh tersebut yang ternyata menentang sumbangan agama terhadap pembangunan hidup manusia. Di sini penulis kelihatan membincangkan teori kaunseling Islam agak secara mendatar. Penulis mengemukakan pendekatan kaunseling Barat yang kemudiannya diikuti dengan pembentangan konsep pemikiran akhlak Muslim. Seterusnya penulis memperkenalkan idea kerangka konsep kaunseling yang boleh dianggap sebagai "Islamik" Namun apa yang jelas pengarang lebih menurus kepada pembentangan konsep, kaedah, ciri-ciri dan matlamat akhlak menurut para pemikir Muslim seperti al-Kindi, Miskawayh dan al-Ghazali.

Seterusnya penulis menjelaskan secara ringkas proses kaunseling dari perspektif Barat lalu merumuskan bahawa pendekatan kaunseling Barat yang berusaha untuk membantu individu mengenalpasti potensi diri dan memandu mereka dalam membuat sesuatu keputusan sebagai pendekatan yang telah sedia ada dalam konsep dan pelaksanaan akhlak Islam. Justeru itu pengarang kemudiannya mencadangkan agar istilah etika kaunseling Islam lebih layak digunakan dalam konteks Islam bagi menunjukkan hubungan yang rapat antara ilmu kaunseling dan akhlak Islam. (hlm. 31)

Penulis menjelaskan bahawa definisi kaunseling adalah sukar untuk diperjelaskan secara tepat. Untuk itu penulis mengambil pendekatan dengan mengemukakan beberapa pernyataan yang terdapat dalam al-Quran yang

menurut penulis mengandung elemen-elemen kaunseling. (hlm. 32) Di samping itu penulis juga membicarakan aspek nilai Islam yang berteraskan akhlak Islam berdasarkan pandangan Miskawayh, al-Ghazali, al-Tusi dan lainnya. Bagi pengarang, gagasan besar sarjana Muslim silam masih relevan dalam konteks semasa.

Dalam membicarakan kaunseling Barat, pengarang beranggapan tumpuan Barat adalah terlalu memfokuskan kepada aspek pembaikan dan pembinaan karakter individu yang hanya bersifat zahir dan lebih terjurus kepada hal ehwal keduniaan. (hlm. 39) Sedangkan etika kaunseling Islam seperti yang pernah dikemukakan oleh Miskawayh (m.1030), al-Tusi (m.1274) dan al-Ghazali (m.1111) tidak hanya untuk kebaikan di dunia malah merangkumi kebahagiaan di akhirat. Penulis seterusnya menganggap sumbangan utama tokoh-tokoh moralis Muslim adalah dari sudut pemurniaan terhadap konsep pemikiran akhlak tokoh-tokoh Greek klasik seperti Aristotle. (hlm. 39)

Ini bererti pengarang ingin menegaskan bahawa proses etika kaunseling yang dipelopori oleh kalangan moralis Muslim ternyata mempunyai parameter atau piawai yang lebih mantap berbanding dengan moralis Barat. Perbincangan ini terdapat dalam bab keenam yang memfokuskan bagaimana nilai-nilai Islam menjadi teras kepada akhlak Islam. Menurut pengarang, manusia lazimnya cenderung kepada tiga kekuatan jiwa iaitu kekuatan rasional, kekuatan marah dan kekuatan syahwat. Ketiga-tiga kecenderungan ini dikatakan mempunyai potensi samada menjadikan individu tersebut seorang yang baik atau sebaliknya. (hlm. 19-21)

Sekiranya ketiga-tiga kecenderungan tersebut dapat kawal dan diurus dengan sempurna oleh individu maka ia akan mewujudkan suasana kehidupan yang harmoni. Dalam dalam bab kelima pengarang memfokuskan kepada jaringan keilmuan antara ilmuan Greek melalui karya-karya tokohnya seperti Plato dan Aristotle yang kemudiannya dipindahkan ke dunia umat Islam melalui usaha-usaha sarjana Muslim ketika itu. Penekanan yang diberi oleh penulis adalah terhadap susur-galur pengaliran ilmu Greek ke dunia Islam yang menurutnya adalah hasil daripada usaha pemurnian yang dilakukan secara teliti dan bersistematik. Yang kemudiannya ilmu dari Greek itu berpindah pula ke dalam dunia Barat. Apa yang kelihatan cuba ditekankan oleh penulis adalah sumbangan sarjana Muslim terhadap perkembangan ilmu di Barat melalui karya agung seperti yang dihasilkan oleh al-Kindi (m. 784), al-Farabi (m. 950) dan Ibn Sina (m. 1037). (hlm. 43-47)

Seperkara yang menarik dalam buku ini yang boleh dianggap sebagai sumbangan kepada pembinaan kerangka kaunseling Islam adalah perbincangan penulis mengenai konsep kemurungan yang dikemukakan oleh al-Kindi. Ini dibincangkan secara jelas dalam bab kesebelas iaitu bab yang terakhir walaupun tidak begitu kritikal dan terperinci. (hlm. 166-174) Pada hemat pengulas, bahagian ini sayugia diperincikan khususnya berkaitan dengan pendekatan dan kaedah pemulihan sehingga sikap kemurungan itu mampu dipulihkan dalam

diri manusia. Mungkin juga wajar sekiranya konsep ini dapat dikemukakan secara perbandingan dengan tokoh-tokoh sarjana kaunseling Barat bagi memperlihatkan persamaan atau perbezaan dari sudut pendekatan dan kaedah memulihkan penyakit kemurungan. Walau bagaimanapun kemungkinan sebagai pendekatan awal penulis dalam membandingkan persoalan kaunseling antara Barat dan Islam, maka penulis kelihatan menjadikan buku ini sebagai landasan awal untuk meneroka isu-isu yang lebih menarik bagi memperlihatkan sumbangan Islam terhadap pembinaan korpus ilmu moden kini.

Secara umumnya buku ini sesuai untuk dibaca baik oleh kalangan ahli akademik mahupun orang awam. Justeru pendekatan bahasanya agak mudah bagi para pembaca mengikuti pemikiran utama sarjana Muslim di samping tokoh Barat mengenai kaunseling. Dalam konteks kelangsungan ilmu, buku ini boleh dianggap sebagai rantaian pengkajian mengenai perbandingan antara sumbangan sarjana Muslim dan pemikir Barat mengenai penjana bidang keilmuan. Malah tidak keterlalaun jika dinyatakan bahawa buku ini sebagai pencetus kepada pengkajian secara lebih mendalam mengenai bidang kaunseling khususnya dalam konteks mendekati pengamalan ilmu kaunseling terkini dengan nilai-nilai Islam yang bersifat objektif.

Dr. Jaffary Awang  
Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
jaffaryawang@hotmail.com